

27 OCT 2001

Abdullah-Pembangunan

PROGRAM PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DIPERHEBATKAN

KENINGAU, 27 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan memperhebatkan program pembangunan luar bandar dalam usaha mewujudkan pembangunan seimbang di antara kawasan luar bandar dengan bandar, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagi tujuan itu, kerajaan akan membelanjakan lebih RM5 bilion untuk program pembangunan luar bandar seperti yang diumumkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Belanjawan 2002 baru-baru ini.

"Kita bukan sahaja nak tengok pembangunan di kawasan bandar seperti Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur. Kita juga nak penduduk luar bandar termasuk peniaga menikmati kemudahan pembangunan," katanya ketika merasmikan Tapak Tamu Keningau di daerah Keningau, kira-kira 135km dari Kota Kinabalu hari ini.

Menurut Abdullah, kerajaan juga akan memastikan kemudahan seperti telefon, pos, bekalan air dan elektrik akan dinikmati oleh semua penduduk di kawasan luar bandar.

"Ini yang akan kerajaan usahakan untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang," katanya.

Abdullah berkata usaha itu penting untuk membantu penduduk luar bandar meningkatkan taraf hidup mereka melalui pembinaan pelbagai projek.

Beliau turut meminta semua pihak khususnya wakil rakyat Barisan Nasional (BN) supaya memastikan kejayaan pelaksanaan setiap program pembangunan luar bandar.

"Kita mahu semua perancangan dijalankan dengan cepat, baik, sempurna dan memenuhi sasaran," katanya.

Mengenai projek Tamu yang dirasmikan itu, Abdullah berkata kerajaan akan menambah lagi peruntukan sebanyak RM2 juta untuk memperbesarkannya kerana ia mendapat sambutan menggalakkan. Tapak itu kini bernilai RM3 juta.

Tamu itu mula dibina Jun tahun lepas dan siap pada pertengahan Mac tahun ini dan mempunyai 105 unit gerai melibatkan 355 peniaga.

Ia merupakan usahasama Kementerian Pembangunan Usahawan menerusi Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (Sedco), Sedcovest Holdings Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Sedco dan Majlis Daerah Keningau.

-- BERNAMA

NT RON